

MULTIMEDIA SYSTEM WITH NAVIGATION

USER MANUAL GUIDE



PASSION ENGINEERED



BETAMEK ELECTRONICS (M) SDN. BHD. IALAH SYARIKAT YANG MENJAMIN KELUARAN INI, TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT BERIKUT :

1. Tempoh warranti : 3 tahun atau 100,000km bergantung pada yang mana berlaku dahulu dari tarikh kenderaan didaftarkan.
2. Perodua dengan ini menjamin yang fungsi produk adalah bebas kerosakan akibat dari kesalahan pembuatan atau bahagian dalaman elektronik / bahan.
3. Perodua dengan budi bicara mutlak berhak menukar produk di bawah waranti dengan model yang sama nilai sebagai ganti pembaikan.
4. Waranti ini menjadi batal dan tidak sah apabila :
 - a) Kerosakan berpunca dari penyalahgunaan, penyalahkendalian, kemalangan, kecuaiian, kerosakan disebabkan oleh kebakaran dan banjir secara langsung atau tidak langsung.
 - b) Pendedahan kepada lembapan atau air.
 - c) Produk ini telah diubah atau dibaiki oleh pihak ketiga, dipasang dengan tidak betul atau membuat modifikasi terhadap produk ini.
 - d) Digunakan dengan atau dihubungkan dengan produk, aksesori, alatan, perisian dan / atau servis tidak dikilangkan, dikeluarkan atau dibenarkan oleh Perodua.
 - e) Kerosakan disebabkan oleh virus dari akses yang tidak sah ke servis, akaun lain, sistem komputer atau rangkaian oleh anda atau pihak ketiga. Akses tidak sah ini termasuklah penggodaman dan pemalsuan kata laluan.
 - f) Jaminan ini terbatal sekiranya nombor siri di bahagian atas radio tertanggal daripada unit ini atau label jaminan di bahagian belakang radio koyak.
 - g) Jaminan ini tidak meliputi penghapusan statik kereta, kebisingan kenderaan, pembetulan kepada masalah antena, kos yang terlibat untuk menanggalkan atau memasang keluaran ini atau kerosakan cakera, aksesori dan lain-lain.
5. Perkhidmatan jaminan akan hanya diberi setelah pihak pembeli menyerahkan kad jaminan yang sah dan yang dicap / ditandatangani oleh pihak / pihak-pihak yang diberi kuasa.

PENGENALAN

Unit ini memerlukan sumber kuasa 12 volt jenis negatif yang telah dibumikan. Baca manual pengguna ini dengan teliti sebelum mengendalikan unit ini.

KANDUNGAN

| | |
|------------------------------------------------------------------------------|----|
| 1. CIRI-CIRI | 2 |
| 2. SEBELUM MULA..... | 3 |
| 3. OPERASI AM | 4 |
| KAWALAN TETAPAN | 5 |
| 4. OPERASI RADIO..... | 7 |
| KAWALAN RADIO..... | 8 |
| 5. MEMAINKAN MP3/WMA/VIDEO/GAMBAR DARIPADA MEMORI USB/KAD SD..... | 9 |
| i. MEMAINKAN MP3/WMA/VIDEO/GAMBAR DARIPADA MEMORI USB/SD..... | 11 |
| ii. NOTA TENTANG MEMAINKAN MP3/WMA/VIDEO/GAMBAR DARIPADA MEMORI USB/SD | 11 |
| iii. PENGECASAN TELEFON BIMBIT DARIPADA USB..... | 12 |
| 6. OPERASI BLUETOOTH | 12 |
| i. PERANTI SERASI | 12 |
| ii. OPERASI BLUETOOTH..... | 13 |
| iii. BLUETOOTH A2DP | 16 |
| iv. NOTA TENTANG OPERASI BLUETOOTH | 16 |
| 7. OPERASI SMART LINK | 17 |
| i. PERANTI SERASI | 17 |
| ii. OPERASI SMART LINK..... | 17 |
| iii. NOTA TENTANG OPERASI SMART LINK..... | 21 |
| 8. FUNGSI-FUNGSI SEMASA KERETA BERHENTI DAN BERGERAK..... | 22 |
| 9. SISTEM KAWALAN SUIS STERENG | 23 |
| 10. PEMASANGAN..... | 26 |
| 11. SAMBUNGAN WAYAR RADIO..... | 27 |
| 12. SPESIFIKASI | 28 |
| 13. PENYELESAIAN MASALAH..... | 29 |

PENALA

- Penalaan Digital PLL
- Penalaan Manual ATAS/BAWAH
- Penalaan Cari ATAS/BAWAH
- Memori Praset 18 FM dan 6 AM
- Auto Simpan (AS)

AM

- Kawalan Panel Sentuh 6.2"
- LCD Resolusi Tinggi dengan Paparan Maklumat Penuh Berbilang Mod
- Jam Digital Format 12 Jam dan 24 Jam
- Paras Nada Bip Boleh Dengar
- Dwibahasa
- 5 pemilihan warna hias latar

KAWALAN AUDIO

- RMS Output Kuasa (20W x 4)
- Bisu
- Kawalan Elektronik Bunyi/Bes/Trebel/Imbangan
- Penyama Flat/Pop/Rock/Jazz/Classical

KAWALAN PAPARAN

- Kawalan Kecerahan

USB - MP3/WMA

- Paparan ID3 – TAG (Disediakan untuk MP3/WMA sahaja)
- Imbas
- Ulang Main
- Rawak Main

USB - VIDEO

- Ulang Main
- Pemilihan saluran Stereo/Kiri/Kanan

BLUETOOTH

- Perbualan Dupleks Penuh
- Profil Bebas Tangan
- Penstriman Muzik
- Pengenalan Panggilan Masuk
- Buku Telefon
- Log
- Pad Kekunci Dial

SMART LINK

- Mencerminkan Antara Muka pengguna telefon pintar
- DRIVE MODE App Untuk Operasi Smart Link

OPERASI GPS

- Peta 2D dan 3D (Kad SD sedia pasang)
- Sistem Pandu Arah
- Laluan Pandu Arah
- Paparan Kekuatan Isyarat GPS
- Titik Carian (P.O.I)


⚠ AMARAN

Untuk mengelakkan kecederaan atau kebakaran, patuhi langkah berjaga-jaga yang berikut:


- Untuk mengelakkan litar pintas, jangan sekali-kali letak atau tinggalkan apa-apa objek besi (seperti syiling/peralatan besi) di dalam unit ini.
- Jangan lihat atau perhatikan paparan unit ini ketika sedang memandu untuk jangka masa yang panjang.
- Untuk mengelakkan pemandu daripada menonton filem, filem Sistem Multimedia ini hanya akan dipaparkan pada skrin LCD **HANYA SEMASA BREK TANGAN DIGUNAKAN**.

Cara untuk menghidupkan dan menutupkan kuasa

Tekan butang kuasa untuk menghidupkan unit. Tekan butang kuasa sekali untuk menutupkan kuasa semasa unit itu dalam keadaan hidup.

**Cara untuk mengeset semula unit**

Jika unit ini gagal beroperasi dengan baik, tekan butang Reset. Unit akan kembali kepada tetapan kilang apabila butang Reset ditekan.

**Membersihkan unit**

- Jika permukaan unit kotor, lap dengan kain lembut yang kering seperti kain silikon.
- Jika permukaan unit terlalu kotor, lap kotoran dengan kain yang dilembapkan dengan pencuci neutral, kemudian lap dengan kain lembut yang bersih dan kering.

Melindungi monitor LCD dan permukaan panel

- Untuk melindungi monitor LCD daripada rosak, jangan guna pen mata bulat atau peralatan serupa dengan hujung yang tajam untuk mengendalikan monitor LCD.
- Untuk melindungi permukaan panel daripada rosak (cat mengelupas, cat pudar dan butang terperangkap) disebabkan minyak wangi kereta tertumpah, penjagaan yang betul minyak wangi kereta pada corong penghawa dingin diperlukan.

Memulakan GPS

- Pastikan Kad SD dengan peta OEM sedia pasang dan perisian Pandu Arah telah dimasukkan ke dalam sistem multimedia sebelum memulakan GPS.



- Tolak Kad SD sehingga bunyi klik dapat didengar. Kad akan terkeluar dan anda boleh menariknya dengan jari anda.
- Jangan keluarkan Kad SD semasa GPS sedang berfungsi.


⚠ CARA MEMBACA MANUAL INI

- Manual ini menggunakan ilustrasi untuk menerangkan operasi.
- Paparan dan panel yang ditunjukkan dalam manual digunakan sebagai contoh untuk memberikan penerangan yang jelas tentang operasi.
- Tanda [⚠] menerangkan langkah berjaga-jaga am.
- Tanda [📄] menerangkan arahan khas, penerangan tambahan dan had unit ini.


4 BUTANG BISU

1 BUTANG KUASA


1 BUTANG KUASA

Tekan butang [] 1 untuk menghidupkan unit. Tekan butang 1 sekali lagi untuk menutup kuasa.


2 BUTANG KELANTANGAN KE ATAS


Tekan butang [] 2 untuk meninggikan paras bunyi.

3 BUTANG KELANTANGAN KE BAWAH


Tekan butang [] 3 untuk merendahkan paras bunyi.


4 BUTANG BISU

Tekan butang [] 4 untuk membisu suara audio. Tekan butang 4 sekali untuk memulihkan paras bunyi sebelumnya.

Tekan butang [] 4 lebih daripada 5 saat untuk memasuki mod penentuan skrin sentuh.

5 BUTANG MOD

Tekan butang [] 5 untuk memilih radio, MP3/WMA, USB, SD dan Bluetooth. Pilihan adalah mengikut aturan ini:



5 BUTANG MOD

3 BUTANG KELANTANGAN KE BAWAH

2 BUTANG KELANTANGAN KE ATAS



KAWALAN TETAPAN

Sentuh butang **[Tetapan]** pada Skrin Kawalan Sumber Menu Utama untuk memaparkan menu TETAPAN bagi mengesetkan pelbagai fungsi.



☐ Sentuh butang **[]** pada Menu Utama untuk kembali ke mod sebelumnya.

a. **Sistem** – Melaraskan operasi sistem. Paparkan skrin pelarasan Sistem dengan menyentuh **[Sistem]** pada skrin.



Membuka atau memadam bunyi “beep”, pameran jam dan “Navi+Audio” dengan menyentuh butang **[Buka]** atau **[Tutup]**.

☐ Bila Navi+Audio ditetapkan tutup, media audio ditutupkan dan hanya GPS panduan suara boleh didapati daripada pembesar suara semasa mod GPS.

b. **Suara**

Paparkan skrin kawalan Penyama dengan menyentuh **[EQ]**.

Pilih mana-mana lengkung menyentuh **[Flet] / [Pop] / [Rock] / [Klasikal] / [Jazz]**.



Paparkan kawalanimbangan dengan menyentuh **[Fader]**. Gerakan kursor untuk menyelaraskan kedudukan bunyiimbangan yang diperlukan.



c. **Paparan** – Untuk melaraskan kecerahan LCD.



d. **Bahasa**

(Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia)

Pilih bahasa untuk memaparkan maklumat teks bagi sistem.



e. **Masa** – Untuk melaraskan waktu dan tarikh pada jam

Paparkan skrin tetapan masa dengan menyentuh **[Masa]** pada skrin.




[Analog] Menetapkan jam untuk paparan analog di skrin kuasa tutup.

[Digital] Menetapkan jam untuk paparan digital di skrin kuasa tutup.

[12] Menetapkan waktu pada mod 12 jam

[24] Menetapkan waktu pada mod 24 jam

 Laraskan tarikh dan waktu jam dengan menatal ke atas atau ke bawah pada ruangan diperlukan.

f. **Hias Latar** – Untuk memilih warna latar belakang biru, hitam, amber, hijau dan merah jambu.



**1 BUTANG PENALAAAN NAIK**


Tekan butang [▲] 1 dalam mod radio untuk menala naik frekuensi secara manual. Tekan lama butang [▲] 1 untuk carian naik frekuensi secara auto.

2 BUTANG PENALAAAN TURUN

Tekan butang [▼] 2 dalam mod radio untuk menala turun frekuensi secara manual. Tekan lama butang [▼] 2 untuk carian turun frekuensi secara auto.


KAWALAN RADIO

Sentuh tombol **[Radio]** pada Skrin Menu Utama untuk memasuki mod Radio.



[▶] Sentuh untuk menala naik frekuensi secara manual.

[▶▶] Sentuh untuk carian naik frekuensi secara auto.

 Sentuh lama pada Station untuk menyimpan frekuensi dalam Station 1 ~ 6. Selepas semua stesen disimpan, pilih stesen dengan menyentuh frekuensi praset pada skrin. Tetapan peringkat frekuensi asal adalah jalur FM 50 kHz dan jalur AM 9 kHz.



[BAND] Tukar jalur seperti yang berikut:
FM1 ▶ FM2 ▶ FM3 ▶ AM ▶ FM1.
(Operasi Kitaran)

[AS] Auto Simpan enam stesen dengan frekuensi paling kuat dalam memori praset jalur FM3.

[◀] Sentuh untuk menalarun frekuensi secara manual.

[◀◀] Sentuh untuk carian turun frekuensi secara auto.

2 PINTU SD




1 PINTU USB

4 BUTANG PENALAAN TURUN

3 BUTANG PENALAAN NAIK

1 PINTU USB

Buka pintu USB 1 dan masukkan memori USB ke dalam port USB (seperti yang ditunjukkan dalam rajah). Sistem akan bertukar kepada mod USB secara automatik dan memainkan trek MP3/WMA.




Menanggalkan memori USB daripada unit juga akan memberhentikan main balik.

Apabila memori USB dimasukkan ke dalam port USB, unit akan mula memuatkan data USB.



2 PINTU SD

Buka pintu SD 2 dan masukkan kad SD ke dalam socket kad SD (seperti yang ditunjukkan dalam rajah). Sistem akan bertukar kepada mod SD secara automatik dan memainkan trek MP3/WMA.



Menanggalkan kad SD daripada unit juga akan memberhentikan main balik.

Apabila kad SD dimasukkan ke dalam socket kad SD, unit akan mula memuatkan data SD.



3 BUTANG PENALAAN NAIK /

4 BUTANG PENALAAN TURUN

(a) Memainkan video daripada Memori USB/Kad SD

Tekan butang [▲] 3 untuk pergi ke trek berikutnya.

Tekan butang [▼] 4 untuk mengundur ke trek sebelumnya.

(b) Memainkan MP3/WMA

Tekan butang [▲] 3 atau sentuh ▲ untuk memilih fail dalam arah menaik.

Tekan butang [▼] 4 atau sentuh ▼ untuk memilih fail dalam arah menurun.

memilih fail dalam arah menaik



memilih fail dalam arah menurun

Tekan butang ▲ untuk memilih folder dalam arah menaik.


Tekan butang ▼ untuk memilih folder dalam arah menurun.


memilih folder dalam arah menaik





memilih folder dalam arah menurun

MEMAINKAN MP3/WMA/VIDEO DARIPADA MEMORI USB



Sentuh  untuk memaparkan senarai lagu.

Sentuh  untuk memaparkan senarai video.

Sentuh  untuk memaparkan senarai gambar.

NOTA TENTANG MEMAINKAN MP3/WMA/ VIDEO DARIPADA MEMORI USB

Memainkan fail MP3/WMA

- Unit ini mungkin tidak dapat memainkan balik sesetengah USB/SD atau fail disebabkan cirinya atau keadaan rakaman.
- Bergantung pada bentuk memori USB dan port sambungan, sesetengah memori USB mungkin tidak disambung dengan betul atau sambungannya mungkin longgar.
- Unit ini boleh memaparkan tag (versi 1.x dan 2.x) untuk fail MP3 dan WMA.
- Unit ini boleh memainkan balik fail MP3 dan WMA yang memenuhi syarat di bawah:
 - Fail: MPEG 1 atau 2 Lapis 3 (MP3); Window Media Audio 9 (WMA).
 - Kadar bit (kbps) : 8, 16, 24, 32, 40, 48, 56, 64, 80, 96, 112, 128, 144, 160, 192, 224, 256, 320.
 - Frekuensi Sampel (kHz): 8, 11.025, 12, 16, 22.05, 24, 32, 44.1, 48.
- Unit ini boleh memainkan balik fail memori USB/SD yang dirakamkan dalam VBR (kadar bit pelbagai).
- Sesetengah MP3/WMA fail mungkin tidak dapat dimainkan dalam unit ini disebabkan kadar bit dan frekuensi sampel yang bukan standard.
- Untuk memainkan muzik yang berkualiti daripada MP3/WMA, kadar bit fail hendaklah disetkan pada 128kbps atau lebih dan sumber penakaran mestilah daripada format CD yang asal.

Memainkan fail video


- Unit ini boleh memainkan balik fail MPEG, MPEG2, MPEG4, DIVX dengan kod sambungan <.avi>, <.mpg>, <.VOB>.
- Unit ini boleh menyokong video dengan resolusi sehingga 720x480 sahaja.
- Main balik secara normal tidak dijamin sekiranya format video tidak diubah dengan betul.
- Sesetengah format fail video berhenti main sekiranya anda bertukar ke sumber lain semasa ia sedang dimainkan. Anda tidak boleh memainkan video daripada kedudukan main balik yang terakhir sekiranya anda bertukar semula ke USB/SD.

☐ "Format tidak disokong" akan dipaparkan pada LCD jika fail tidak dapat memenuhi syarat di atas.

Apabila unit ini menjalankan GPS dengan GPS+Audio berada dalam tetapan OFF, fail MP3/WMA yang dimainkan serentak tidak akan berhenti seketika.

PENGECCAN TELEFON BIMBIT DARIPADA PORT USB

Buka pintu USB dan sambung kabel pengecas telefon bimbit kepada port USB. Sistem akan mengecas bateri telefon bimbit.



Nota tentang pengecasan telefon bimbit daripada port USB

- Unit ini menyediakan output pengecasan 5V --- 1A.
- Unit ini mungkin tidak dapat mengecas telefon bimbit kerana keserasian antara muka (interface) sistem perlindungan pengecas yang terkandung di dalam telefon bimbit.
- Sila guna kabel USB yang asli untuk prestasi yang lebih baik semasa mengecas.

PERANTI SERASI

- Sila pastikan telefon bimbit anda menyokong profil Bluetooth HFP (Ciri bebas tangan untuk telefon bimbit), A2DP (Penstriman muzik stereo) dan AVRCP (Fungsi kawalan jauh).
- Telefon bimbit harus mematuhi dengan Bluetooth versi (V2.1, V2.0, V1.2 dan V1.1)
- Tablet/telefon bimbit yang tidak serasi dengan Bluetooth "firmware" atau sistem operasi "firmware" akan menyebabkan sambungan Bluetooth tidak stabil.

⚠ AMARAN

- Perbualan telefon semasa memandu boleh membahayakan keselamatan. Sila patuhi peraturan dan undang-undang jalanraya.
- Pasangkan, sambung & laraskan paras bunyi panggilan masuk dengan betul sebelum mula memandu.
- Letakkan kenderaan anda di tempat selamat dan tarik brek tangan, sebelum anda membuat panggilan.
- Sistem audio ini direka hanya untuk menerima panggilan dengan mengambil kira keselamatan pemandu.

OPERASI BLUETOOTH

Masuk ke skrin kawalan Bluetooth dengan menyentuh butang **[Bluetooth]** pada skrin Menu Utama.



1. **Masuk ke dalam Mod Perpasangan (Mod Boleh Kesan dan Boleh Sambung)**

LANGKAH 1:

- Hidupkan/pasang ciri Bluetooth pada radio dengan menyentuh **[Pasangan]**.
- Gunakan telefon bimbit untuk mencari peranti baru dalam mod Bluetooth, telefon bimbit akan menemui "Bluetooth Car Kit".

LANGKAH 2:

- Nama piawai sistem audio adalah "Bluetooth Car Kit" dan kunci laluan adalah "0000" (masukkan nombor sifar sebanyak 4 kali).

LANGKAH 3:

- Apabila berjaya disambungkan, LCD akan memaparkan "Connected" & "📶".

2. MENYAMBUNG DENGAN RADIO



- Pilih telefon bimbit Bluetooth dalam senarai.
- Sentuh butang **[Sambung]** pada skrin untuk menyambung.

☒ **[Putus]** untuk memutuskan sambungan peranti Bluetooth dalam senarai.

[Padam] untuk memadamkan peranti Bluetooth dalam senarai.

3. MOD SAMBUNGAN AUTOMATIK

- Sistem audio akan memasuki mod sambungan auto apabila kuasa ACC dipasang.

- Mod sambungan auto membenarkan sambungan automatik di antara sambungan terakhir Bluetooth telefon bimbit dengan sistem Audio.

4. PILIHAN JAWAPAN AUTO DAN JAWAPAN MANUAL

- Sistem audio memberikan pilihan untuk "Jawapan Auto" dan "Jawapan Manual" dengan hanya menyentuh butang **[Tutup/Buka]** pada Bluetooth Setting mod.




[Buka] Jawapan Auto
[Tutup] Jawapan Manual

- Jawapan Auto dan Jawapan Manual hanya boleh digunakan selepas Sistem Audio disambungkan dengan Bluetooth pada telefon bimbit.

5. MUAT TURUN BUKU TELEFON

- Muat turun data kenalan daripada telefon bimbit ke dalam unit ini supaya anda boleh menggunakan Kenalan daripada unit ini.

- Paparkan skrin kawalan Kenalan dengan menyentuh **[Kenalan]** pada skrin kawalan Bluetooth.
- Sentuh **[]** untuk memuat turun kenalan daripada telefon bimbit.
- Ia akan memaparkan "Downloading" semasa sedang diproses. Selepas muat turun selesai ia akan memaparkan senarai kenalan.



- [Q]** Cari kenalan dari senarai.
- []** Muat turun kenalan daripada telefon bimbit.
- []** Buat panggilan telefon.
- []** Padam kenalan yang dipilih.
- []** Padam semua kenalan.

6. MENERIMA PANGGILAN



- []** Jawab panggilan masuk.
- []** Tolak panggilan masuk.
 - Apabila mod Jawapan Auto ditutup, dan jika terdapat panggilan masuk, panggilan tersebut hanya boleh diterima dengan menyentuh butang **[]** pada skrin kawalan. Perbualan daripada pemanggil boleh didengar melalui pembesar suara hadapan sebelah kanan.
 - Apabila mod Jawapan Auto dipasang, dan jika terdapat panggilan masuk, output audio akan terhenti secara automatik. Panggilan masuk boleh diterima tanpa perlu menekan apa-apa butang pada skrin kawalan.
 - Paras bunyi perbualan telefon bimbit boleh dilaras dengan memutar tombol bunyi.

7. MEMBUAT PANGGILAN

- Memaparkan skrin kawalan Bluetooth Bebas Tangan dan menggunakan pelbagai fungsi.
- Butang **[Kekunci]**, **[Kenalan]** dan **[Log]** digunakan untuk membuat panggilan dengan cara yang berlainan.
 - []** Membuat panggilan ke nombor telefon yang dipaparkan daripada **[Kekunci]**, **[Kenalan]** dan **[Log]**.
 - [Kekunci]** Memaparkan skrin pad dail. Lihat <Membuat panggilan dengan Memasukkan Nombor Telefon>.
 - [Kenalan]** Memaparkan skrin senarai nombor Kenalan. Lihat <Membuat panggilan melalui Kenalan>.
 - [Log]** Memaparkan skrin rekod panggilan Masuk, Keluar dan Tidak Dijawab. Lihat <Membuat Panggilan Menggunakan Rekod Panggilan>.

(a) **MEMBUAT PANGGILAN DENGAN MEMASUKKAN NOMBOR TELEFON**

Membuat panggilan dengan memasukkan nomor telefon.



- Memaparkan skrin input nombor dengan menyentuh butang **[Kekunci]** pada skrin kawalan.
- Masukkan nombor telefon yang dikehendaki menggunakan pad kekunci skrin sentuh.
- Sentuh ikon telefon hijau untuk mendail nombor telefon yang dimasukkan.

(b) **MEMBUAT PANGGILAN MELALUI HUBUNGAN**

Anda boleh menelefon seseorang menggunakan nombor telefonnya yang telah didaftarkan dalam Kenalan.



- Memaparkan skrin Kenalan (senarai data nombor telefon) dengan menyentuh butang **[Kenalan]** pada skrin kawalan Bluetooth.
- Pilih nama daripada senarai Kenalan dan sentuh ikon telefon hijau untuk mendail nombor kenalan yang dipilih.

☐ Untuk menggunakan Kenalan, ia hendaklah telah dimuat turun daripada telefon bimbit.

(c) **MEMBUAT PANGGILAN MENGGUNAKAN REKOD PANGGILAN**

Buat panggilan dengan memilih nombor telefon daripada senarai panggilan masuk, keluar atau tidak dijawab.



- Pilih nombor telefon daripada rekod panggilan untuk membuat panggilan telefon. Sentuh ikon telefon hijau untuk mendail nombor telefon yang dipilih.
- ☐ Skrin senarai rekod Panggilan Masuk, Keluar dan Tidak Dijawab menunjukkan senarai panggilan yang berasal daripada atau diterima oleh unit ini. Senarai ini bukan senarai yang disimpan dalam memori telefon bimbit.

BLUETOOTH A2DP (PROFIL TABURAN AUDIO TINGGI)

Anda boleh mendengar fail audio yang disimpan dalam telefon bimbit.

☐ Pemain audio dalam telefon bimbit hendaklah diaktifkan sebelum menggunakan fungsi ini.



- Paparkan skrin kawalan Muzik Bluetooth dengan menyentuh butang [Muzik] pada skrin kawalan Bluetooth dengan syarat Bluetooth hendaklah dipasangkan dan disambung.
- Operasi Muzik Bluetooth:
 - [⏮] Pilih untuk pergi ke fail sebelumnya.
 - [▶] Pilih untuk memainkan fail.
 - [||] Pilih untuk memberhentikan seketika fail.
 - [⏭] Pilih untuk ke fail seterusnya.
- Paras bunyi Muzik boleh dilaraskan dengan menggunakan tombol bunyi.

- Untuk memainkan muzik yang berkualiti daripada telefon bimbit, kadar bit fail hendaklah disetkan pada 128kbps atau lebih. Sumber penukaran hendaklah daripada format CD yang asal.

☐ Ciri ini hanya boleh dipakai untuk telefon bimbit dengan ciri Bluetooth A2DP. Jika pemain audio Bluetooth tidak menyokong profil AVRCP, butangnya tidak boleh dioperasikan daripada Pemain Audio.

NOTA TENTANG OPERASI BLUETOOTH

- Gunakan telefon bimbit di kawasan dengan keadaan penerimaan yang baik.
- Jika suara perbualan perlahan atau bising (aduan daripada pemanggil yang satu lagi), tutup tingkap, tukar arah aliran udara, atau rendahkan paras penghembus udara pada penyaman udara.
- Jika paras bateri telefon bimbit rendah, sambungan Bluetooth kadang kala akan terputus. Untuk mendapatkan sambungan yang baik, pastikan bateri telefon dicas secukupnya.
- Gema akan berlaku bergantung pada telefon bimbit atau rangkaian perkhidmatan.
- Ciri paparan Nama Pemanggil Masuk mungkin berbeza mengikut model/pengilang telefon.
- Jika LCD gagal untuk memaparkan Nama Pemanggil, Nombor Pemanggil akan dipaparkan pada Skrin LCD.
- Memuat turun buku telefon mungkin tidak berjaya dilakukan kerana:
 - Aksara dalam buku telefon bercelaru.
 - Data buku telefon mengandungi imej.
 - Telefon bimbit mempunyai profil muat turun yang berlainan versi/jenis.

PERANTI SERASI


- Telefon pintar perlu disertai sistem Android OS 4.0 / 5.0 / 6.0 / 7.0 / 8.0.
- Telefon pintar iPhone tidak disokong.
- Sila sediakan sekurang-kurangnya 50MB memori telefon untuk pemasangan "Drive mode" aplikasi.
- Guna kabel USB yang disyorkan oleh pengeluar telefon.
- Prestasi Smart Link mungkin berbeza berdasarkan keserasian versi telefon pintar.

⚠ AMARAN

- Penggunaan Smart Link semasa memandu boleh membahayakan keselamatan. Sila patuhi peraturan dan undang-undang jalanraya.
- Pasangkan, sambung & laraskan paras bunyi dengan betul sebelum mula memandu.
- Letakkan kenderaan anda di tempat selamat dan tarik brek tangan, sebelum anda mengguna aplikasi Smart Link.

OPERASI SMART LINK

Masuk ke mod Smart Link dengan menyentuh butang **[Smart Link]** pada skrin Menu Utama.



1. MENYAMBUNG KE TELEFON

LANGKAH 1:

- Menyambung Bluetooth untuk membolehkan audio Smart Link.

Sambungan Smart Link di perlukan untuk **[Pilihan pemaju]**. Jika telefon pintar anda belum bersedia **[Pilihan pemaju]**, sila ikut langkah di bawah. Jika **[Pilihan pemaju]** sudah bersedia, sila ke langkah yang ke empat.

LANGKAH 2:



- ① Masukkan telefon **[Tetapan]**.
- ② Sentuh **[Mengenai telefon]**.



- ③ Sentuh **[Nombor binaan]** 7 kali untuk membolehkan **[Pilihan pemaju]**.

LANGKAH 3:



- ④ Masukkan dan membolehkan **[Pilihan pemaju]**.



- ⑤ Semak **[Penyahpepajian USB]**.



- ⑥ Sentuh **[OK]** apabila **[Membolehkan penyahpepajian USB?]** muncul di skrin.

Untuk membolehkan **[Pilihan pemaju]**, telefon pintar tertentu dikehendaki sentuh **[Versi MIUI]** 7 kali. Sesetengah telefon pintar memerlukan cara yang berbeza untuk membolehkan **[Pilihan pemaju]**.

Sila rujuk buku manual pengguna pada telefon pintar untuk memahami secara terperinci **[Pilihan pemaju]**.

LANGKAH 4:

- Sambungkan kabel USB ke port USB.



- ⑦ Untuk mengaktifkan mod **[Smart Link]** sila sentuh **[Smart Link]** pada menu utama.



- ⑧ Sentuh **[Mengeskan telefon]** pada navigasi audio.





- ⑨ Semakan telefon pintar **[Sentiasa benarkan komputer ini]** dan sentuh **[OK]**.

2. PEMASANGAN DRIVE MODE APP





- Telefon pintar akan memuat turun DRIVE MODE secara automatik buat kali pertama.
- Selepas pemasangan selesai, paparan skrin audio akan menunjukkan Smart Link menu kawalan.

3. SMART LINK NAVIGASI



- Sentuh **[Navigation]** pada skrin kawalan Smart Link untuk memilih Google Maps atau Waze aplikasi.
- Pilih peta aplikasi yang dikehendaki dengan sentuh ikon tersebut.

4. SMART LINK TELEFON





- Sentuh **[Telephone]** pada skrin kawalan Smart Link untuk membuat panggilan.
- Sentuh nombor telefon yang dikehendaki dengan pad kekunci kemudian tekan **[☎]**.

ATAU

Sentuh **[CONTACT]** untuk masuk buku telefon. Pilih nombor hubungan yang dikehendaki kemudian sentuh.


5. SMART LINK MUZIK



- Sentuh **[Music]** pada skrin kawalan Smart Link untuk memainkan muzik daripada telefon pintar.
- Fungsi:
 - [⏸]** Menjedakan muzik.
 - [▶]** Memainkan muzik.
 - [⏮]** Ke lagu seterusnya.
 - [⏭]** Ke lagu sebelumnya.
 - [↺]** Mengulangi semua lagu dalam senarai.
 - [↻]** Mengulangi lagu sedang dimain.
 - [⏮]** Mengulangi muzik secara rawak.

- Sentuh **[Song]** untuk memaparkan senarai lagu.

6. SMART LINK APP TAMBAHAN



- Sentuh **[+]** pada skrin kawalan Smart Link untuk menambah aplikasi kegemaran dari telefon pintar.
- Pilih aplikasi yang dikehendaki daripada senarai aplikasi kemudian sentuh.
- Ikon aplikasi tambahan tersebut akan ganti **[+]**.
- ☐ Sejumlah 15 aplikasi tambahan dibenarkan untuk ditambah pada skrin kawalan Smart Link tetapi hanya Navigasi, Phone dan Music App dibenarkan untuk diguna semasa pemanduan.

7. MENGELUARKAN SMART LINK APP





- Sentuh lama ikon aplikasi sehingga muncul.
- Sentuh [] pada aplikasi yang dikehendaki dikeluarkan.

8. PILIHAN UNTUK PAPARAN POTRET DAN LANDSKAP

- Sentuh lama icon aplikasi sehingga muncul.
- Sentuh [] untuk memilihkan paparan potret atau landskap pada paparan audio kereta.
 malam: paparan potret.
 cerah: paparan landskap.

9. FUNGSI KAWALAN LAIN




- Sentuh [] untuk memaparkan fungsi kawalan.
- Fungsi kawalan:
 - [] Tutupan bar kawalan.
 - [] Kembali ke skrin sebelumnya.
 - [] Ke halaman utama.
 - [] Menyediakan menu untuk item yang dipilih.
 - [] Berhenti Smart Link.

NOTA TENTANG OPERASI SMART LINK

- Kadar bidang untuk memainkan Smart Link video adalah 15 hingga 20 bidang sesaat.
- Drive Mode App tidak mengandungi virus. Sebahagian perisian virus akan terkeluar amarah tetingkap semasa pemasangan Drive Mode App untuk kali pertama. Sebenarnya, Drive Mode App adalah untuk mendapatkan kebenaran daripada sistem telefon bimbit aplikasi yang berkaitan. Pilih “Ya” jika pengesahan diperlukan.

| | GPS NAVIGASI | MAIN VIDEO SEMASA DALAM MOD VCD, DVD DAN USB | MOD SMART LINK | |
|---------------------------------------------|--------------|-----------------------------------------------------------------------|--------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| | | | Navigasi, telefon, muzik | Lain-lain aplikasi telefon pintar (Facebook, WhatsApp, Youtube dan lain-lain) |
| KERETA BERHENTI (Brek tangan ditarik) | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| KERETA BERGERAK (Brek tangan dilepaskan) | ✓ | ✗ (hanya suara akan didengar daripada pembesar suara kereta) | ✓ | ✗ (Skrin audio akan ditukar ke aplikasi drive mode) |

Anda boleh menggunakan sesetengah fungsi sistem audio tanpa mengalihkan tangan anda dari roda stereng.




| NO. | BUTANG | FUNGSI |
|-----|------------------------------------|----------------------------------|
| 1. | BUNYI PERLAHAN (VOL ⁻) | • Merendahkan paras bunyi audio. |
| 2. | BUNYI KUAT (VOL ⁺) | • Meningkatkan paras bunyi audio |


| NO. | BUTANG | FUNGSI |
|-----|------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 3. | TALA TURUN (◀) | <p><u>Mod FM/AM</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tekan sekejap ⇒ Pilih praset saluran 6 ke saluran 1. • Tekan lama ⇒ Frekuensi penerima akan ditala turun secara automatik dan berhenti apabila frekuensi keamatan tinggi (stesen radio) diterima. <p><u>Mod USB MP3/WMA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ke trek sebelumnya (dalam paparan ID3). <p><u>USB MP4</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ke trek sebelumnya (dalam paparan MP4 bermain). <p><u>Mod Muzik Bluetooth</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ke trek sebelumnya. <p><u>Mod Muzik Smart Link</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ke trek sebelumnya. |
| 4. | TALA NAIK (▶) | <p><u>Mod FM/AM</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tekan sekejap ⇒ Pilih praset saluran 1 ke saluran 6. • Tekan lama ⇒ Frekuensi penerima akan ditala naik secara automatik dan berhenti apabila frekuensi keamatan tinggi (stesen radio) diterima. <p><u>Mod USB MP3/WMA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ke trek berikutnya (dalam paparan ID3). <p><u>USB MP4</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ke trek berikutnya (dalam paparan MP4 bermain). <p><u>Mod Muzik Bluetooth</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ke trek berikutnya. <p><u>Mod Muzik Smart Link</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ke trek berikutnya. |

| NO. | BUTANG | FUNGSI |
|-----|-----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 5. | MOD | <p><u>Keadaan sistem TUTUP</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Sistem dipasang. <p><u>Keadaan sistem</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tekan sekejap ⇒ <div style="text-align: center; margin: 10px 0;"> <pre> graph LR A[Radio (FM1/FM2/FM3)] --> B[USB/SMART LINK] B --> C[SD] C --> D[BLUETOOTH] D --> A </pre> </div> • Tekan lama ⇒ Sistem TUTUP. |
| 6. | PHONE (📞) | <p><u>Semasa Panggilan Masuk</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tekan sekejap ⇒ Menerima panggilan. • Tekan lama ⇒ Menolak panggilan. <p><u>Semasa Perbualan Bluetooth</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Menamatkan panggilan. |

Pasangkan set radio pada papan muka yang disediakan dan ketatkan menggunakan 4 skru dengan sesendal.

SKRU DENGAN SESENDAL X 4
(Part No.: 93567-15014)





AM

| | |
|-------------------------|-----------------------------|
| Voltag Bekalan Kuasa | : DC 12.0V |
| Kadar | : 14.4V |
| Output Audio | : (20W x 4) Rms. |
| Ukuran | : 190(W) x109(H) x180(D) mm |
| Berat | : 1.63kg |
| Bisu | : Dikurangkan kepada -79dB |
| Penggunaan Arus | : Kurang daripada 10A |
| Galangan Pembesar Suara | : 4 ohm |
| Sistem Pembumian | : Jenis Negatif |

PENALA FM

| | |
|------------------------------|-----------------|
| Julat Frekuensi | : 87.5 – 108MHz |
| Kepekaan Boleh Guna | : 10dB |
| Kepekaan mengehadkan -3dB | : 10dB |
| Nisbah Isyarat-Bunyi Bisling | : 50dB |
| Pemisahan Stereo | : 30dB |

AM

| | |
|------------------------------|-----------------|
| Julat Frekuensi | : 522 -1620 KHz |
| Kepekaan Boleh Guna | : 28dB |
| Nisbah Isyarat-Bunyi Bisling | : 50dB |

USB/SD

| | |
|-------------------------------------|-------------------------|
| Piawaian | : USB 2.0 |
| Kapasiti | : Up to 32G |
| Format Fail | : FAT16 / FAT32 / ExFAT |
| Kelajuan SD | : Class 2 / 4 / 6 |
| Ciri Frekuensi | : 10 – 20,000 Hz (±3dB) |
| Nisbah Isyarat dengan Bunyi Bisling | : 70dB |
| Julat Dinamik | : 80dB |

BLUETOOTH

| | |
|-------------------------|--------------------------------|
| Piawaian | : Mematuhi Bluetooth Versi 2.0 |
| Jalur Frekuensi | : 2.4GHz – 2.4834GHz |
| Frekuensi Kuasa Radiasi | : -6dBm ~ +4dBm (kelas 2) |
| Lompatan Frekuensi | : 1600 hops/saat |
| Kepekaan | : -70dBm@0.1% BER |
| S/N Audio | : >90dB |

AMPLIFIER KUASA

| | |
|-----------------------|-------------------|
| Output Kuasa Maksimum | : (20W x 4) Rms. |
| Kawalan Nada (Bass) | : ± 12dB (@100Hz) |
| (Treble) | : ± 12dB (@10KHz) |

Panduan berikut akan membantu anda dalam menyelesaikan kebanyakan masalah yang anda mungkin hadapi semasa menggunakan unit ini:

| No. | Masalah | Punca | Penyelesaian |
|-----|-----------------------------------|-------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | Tidak ada kuasa | Fius telah terbakar | Gantikan dengan fius yang sama kadar ampere. |
| 2. | Tidak ada suara | Kawalan bunyi atauimbangan tidak ditetapkan dengan betul | Menyesuaikan kawalan bunyi danimbangan. |
| | | Litar pelindung pembesar suara beroperasi | Mengurangkan kelantangan bunyi. |
| 3. | Sistem sangkut | Mikro pemproses telah rosak | Tekan butang reset untuk memulihkannya dan beralih kepada penetapan kilang. (Merujuk kepada nombor muka surat 3) |
| 5. | Skrin paparan yang luar biasa | Kawalan kecerahan, kontras atau ketepuan tidak ditetapkan dengan betul. | Menyesuaikan kawalan kecerahan, kontras dan ketepuan. |
| | | Mikro pemproses telah rosak. | Tekan butang reset untuk memulihkannya. (Merujuk kepada nombor muka surat 3) |
| 6. | Sentuhan skrin adalah tidak tepat | Kesilapan penentukuran sentuhan skrin. | Melaksanakan panel sentuh penentukuran. (Merujuk kepada nombor muka surat 6) |

Panduan berikut akan membantu anda dalam menyelesaikan masalah dari sambungan Smart Link:

| Kod ralat | Punca | Penyelesaian |
|--------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 0 x 11 0 x 12 | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tiada telefon disambungkan. 2. Sambungan kabel USB tidak stabil. 3. Mod USB debug tidak diaktifkan. 4. Bekalan kuasa USB tidak cukup. | <ol style="list-style-type: none"> 1. Palamkan semula kabel USB. 2. Tukar kabel USB (guna kabel USB asal atau jenama CE-Link). 3. Hidupkan mod penyahpejatan USB. 4. Mengesahkan "Benarkan penyahpejatan USB" pertanyaan. 5. Hidupkan semula unit infotainment kereta dan telefon pintar. |
| 0 x 14 | <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengguna tidak mengesahkan sambungan semasa "Benarkan penyahpejatan USB" tetingkap dipaparkan. | |
| 0 x 03 | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak mendapatkan telefon pintar versi OS. 2. Telefon pintar tidak dimulakan dengan jayanya. | <ol style="list-style-type: none"> 1. Bermula sekali telefon pintar dan tunggu sehingga permulaan tersebut selesai. 2. Menyambung sekali dan mengesah pertanyaan untuk membenarkan pemasangan Drive Mode app pada telefon pintar. 3. Mendapatkan untuk bantuan teknikal daripada pembekal sistem. |
| 0 x 04 0 x 200 0 x 05 0 x 204 0 x 08 0 x 41 0 x 63 0 x 64 | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak dapat memasang server program pada telefon pintar. 2. Tidak dapat memulakan server program pada telefon pintar. 3. Tidak cukup memori pada telefon pintar. 4. Telefon atau versi OS yang tidak disokong. | |
| Tiada kod ralat (Telefon pintar tidak dapat menyambung) | <ol style="list-style-type: none"> 1. Ralat pada "Drive Mode" atau "Easyconnected Server app". | <ol style="list-style-type: none"> 1. Pergi ke "Tetapan" telefon, kemudian kepada "Pengurus Aplikasi". 2. Nyahpasang "Drive Mode" dan "Easyconnected Server app". 3. Hidupkan semula telefon pintar dan tunggu sehingga permulaan tersebut selesai. 4. Sambung semula dan sahkan pertanyaan untuk membenarkan pemasangan "Drive Mode app" pada telefon pintar. |

Manual Pengguna Perisian Navigasi

Perisian Navigasi dan Peta

1. Satu lesen gantian akan diberikan kepada anda semasa tempoh jaminan peralatan sekiranya kad SD telah rosak asalkan:
 - a) Pengguna memulangkan semula kad SD yang telah rosak.
 - b) Nombor tag kad SD dan pelekat jaminan tidak diubah, dirosakkan atau ditanggalkan.
 - c) Kad SD tidak diubahsuai dan/atau dirosakkan secara fizikal.

2. Untuk mendapatkan khidmat sokongan yang cekap, kami mengesyorkan perkara berikut:
 - a) Daftar product navigasi anda di laman web Lokatoo – www.lokatoo.com atau menerusi SMS semasa pembelian produk ini.
 - b) Pendaftaran menerusi SMS
 - Langkah 1: Taip Lokatoo <Nama><#Model><#Siri><Tarikh dibeli><Notifikasi>
Contoh: Lokatoo <John Tan><P5ZHV><J1234><HHBTT><Ya>
 - Langkah 2: Hantar ke 39993

3. Notis mengenai Data Peribadi
Sila lawati laman web kami di www.lokatoo.com untuk merujuk Notis Privasi kami yang mengetengahkan cara kami menguruskan data peribadi anda.

Nota:

- 1) Tertakluk kepada terma & syarat.
- 2) Pendaftaran menerusi SMS hanya dibenarkan untuk nombor telefon bimbit yang berdaftar di Malaysia sahaja.
- 3) Satu notifikasi akan dihantar kepada anda sekiranya pendaftaran anda berjaya.
- 4) Setiap SMS yang dihantar/diterima akan dicalaj pada kadar caj standard oleh pengendali telefon bimbit anda.

Perjanjian Lesen Pengguna Akhir Perisian Navigasi dan data Peta ("EULA")

EULA ini ialah perjanjian perundangan antara anda ("Pengguna") dan Amtel Cellular Sdn Bhd ("Syarikat") untuk Perisian Navigasi dan data peta. Syarikat hanya bersedia untuk melesenkan Pengguna bagi menggunakan Perisian Navigasi dan data peta dengan terma EULA ini.

TERMA & SYARAT

1. Data peta dan/atau perisian yang dipramuat ("Perisian") dalam peranti ini dilesenkan oleh pihak ketiga kepada Syarikat. Perisian disublesenkan atas dasar terhad, tidak eksklusif, tidak boleh dipindah milik dan boleh batal untuk penggunaan oleh Pengguna semata-mata pada peranti ini sahaja dan tidak dijual bersama dengan peranti ini. Jika naik taraf, kemas kini atau tambahan kepada Perisian diperoleh, penggunaan naik taraf, kemas kini atau tambahan sedemikian ditadbir oleh Terma & Syarat ini dan sebarang pindaan yang mungkin mengiringinya dan mungkin tertakluk kepada bayaran dan syarat tambahan. Pengguna tidak boleh menghasilkan semula, mengedarkan, menerbitkan, menghantar, mengubah suai, mengadaptasi, menterjemah, memaparkan, mengedarkan, menjual, melesenkan, mempersembhkannya kepada umum, menyediakan kerja terbitan berdasarkan, atau pun menggunakan atau mengeksploitasi Perisian. Hak terhad di atas tidak memberi Pengguna sebarang pemilikan Perisian dan tiada apa yang terkandung dalam Perjanjian ini boleh ditafsirkan sebagai memberi Pengguna

sebarang lesen atau hak kepada Perisian di bawah sebarang hak cipta atau sebarang hak harta intelek lain.

2. Perisian disediakan oleh pemegang hak cipta "SEADANYA" dan sebarang jaminan tersurat atau tersirat, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, jaminan tersirat kebolehdagangan dan kesesuaian untuk tujuan tertentu, adalah dinafikan. Dalam apa jua keadaan pemilik hak cipta tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian langsung, tidak langsung, sampingan, khas, teladan atau lanjutan yang disebabkan dan pada sebarang teori liabiliti, sama ada dalam kontrak, liabiliti ketat, atau tort (termasuk kecuai atau sebaliknya) yang timbul dalam apa jua cara daripada penggunaan Perisian, walaupun jika dinasihatkan tentang kemungkinan kerugian sedemikian. Seluruh risiko kepada kualiti dan prestasi Perisian adalah ditanggung oleh Pengguna. Penafian jaminan ini membentuk bahagian penting bagi lesen yang diberikan kepada Pengguna bagi menggunakan Perisian.

3. Tanda dagang, logo, dan tanda perkhidmatan ("Tanda Dagang") yang dipaparkan di Perisian ini dan peranti, adalah milik Syarikat dan pihak ketiga. Semua Tanda Dagang yang tidak dimiliki oleh Syarikat adalah hak pemilik masing-masing, dan digunakan dengan kebenaran. Tiada apa yang terkandung di sini boleh ditafsir sebagai memberi sebarang hak atau lesen bagi menggunakan sebarang Tanda Dagang.
4. Peta dan sebarang maklumat yang tersimpan di peranti ini adalah panduan navigasi semata-mata untuk kegunaan rujukan sahaja. Adalah menjadi tanggungjawab Pengguna sepenuhnya untuk menggunakan peranti ini dengan berhati-hati. Maklumat yang diberikan mungkin berubah dari semasa ke semasa dan Pengguna harus memutuskan laluan berdasarkan keadaan jalan sebenar dan undang-undang lalu lintas. Syarikat tidak membuat sebarang penggambaran atau jaminan, sama ada tersurat atau tersirat tentang ketepatan, kelengkapan, ketepatan masa, kebolehpercayaan atau kesesuaian untuk sebarang tujuan tertentu bagi peta yang tersimpan di sini.
5. Laluan yang dirancang, terpendek, tercepat dan anggaran masa ke destinasi yang diinginkan diperoleh daripada pengiraan laluan yang optimum berdasarkan pangkalan data peta dan hendaklah digunakan sebagai rujukan sahaja. Peranti ini mestilah tidak digunakan untuk sebarang tujuan yang memerlukan ukuran arah, jarak, lokasi atau topografi yang tepat.
6. Pengguna akan bertanggungjawab atas penggunaan peta yang tersimpan di sini dan di peranti olehnya, dan pada setiap masa akan mematuhi semua undang-undang dan peraturan lalu lintas negara di mana peta digunakan.
7. Penggunaan peranti ini adalah bergantung pada Sistem Kedudukan Global ("GPS") yang dikendalikan oleh kerajaan Amerika Syarikat. Ia bertanggungjawab sepenuhnya atas ketepatan dan penyelenggaraan sistem ini. Sistem ini tertakluk kepada perubahan yang mungkin mempengaruhi prestasi dan ketepatan peranti alat navigasi GPS.
8. Penggunaan peranti ini adalah atas risiko Pengguna sendiri. Lokato dan Syarikat tidak bertanggungjawab atas sebarang denda, penalti, kerosakan atau kerugian sama ada kerosakan langsung, tidak langsung, sampingan, khas, teladan atau lanjutan yang disebabkan dan pada sebarang teori liabiliti, sama ada dalam kontrak, liabiliti ketat, atau tort (termasuk kecuai atau sebaliknya) yang timbul dalam apa jua cara daripada penggunaan peranti.
9. Dalam keadaan sekiranya wujud sesuatu yang tidak konsisten atau bercanggah antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi Terma & Syarat ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

SEBELUM MENGGUNAKAN PERISIAN NAVIGASI ANDA

| | |
|-------------------------|----|
| Nasihat Keselamatan | 37 |
| Mengemas kini peta anda | 37 |

BERSEDIA UNTUK BERMULA

| | |
|---------------------------------|----|
| Mendapatkan isyarat satelit GPS | 38 |
|---------------------------------|----|

CARIAN DESTINASI

| | |
|-------------------------------|----|
| Rumah & Pejabat | 39 |
| Carian Langsung | 39 |
| Alamat | 41 |
| Tempat Menarik | 44 |
| Kegemaran (Carian Destinasi) | 45 |
| Kegemaran (Ubahsuai Rekod) | 47 |
| Sejarah (Carian) | 48 |
| Koordinat | 49 |
| Yellow Pages (Nama Syarikat) | 51 |
| Yellow Pages (Nombor Telefon) | 52 |
| Yellow Pages (Kategori) | 53 |
| Yellow Pages (Mengenai) | 54 |

MENU & FUNGSI SKRIN PETA

| | |
|--------------------------------------------------|----|
| Menyimpan Kegemaran (termasuk Rumah dan Pejabat) | 55 |
| Menetapkan Titik Singgah | 56 |
| Di mana saya? | 57 |
| Halaman Utama | 59 |
| Skrin Peta Navigasi | 60 |
| Skrin Peta (Menu 1) | 61 |
| Skrin Peta (Menu 2) | 63 |
| Skrin Peta (Kelantangan) | 64 |

| | |
|-----------------------------|----|
| PERKAKAS | |
| Maklumat Versi | 65 |
| Maklumat GPS | 65 |
| TETAPAN | |
| Bahasa Antara Muka | 67 |
| Bahasa Suara | 67 |
| Amaran Kamera Kelajuan | 68 |
| Amaran Pondok Tol | 68 |
| Amaran Had Laju | 69 |
| Kaedah Laluan Lalai | 69 |
| Zum Automatik | 70 |
| Kedudukan GPS Automatik | 70 |
| Kelantangan | 71 |
| Ikon Kereta | 71 |
| Mod Siang / Malam | 72 |
| Warna Peta | 73 |
| Bangunan 3D | 73 |
| Tangkapan Skrin | 74 |
| Orientasi Peta | 75 |
| LAIN-LAIN | |
| Warna latar belakang | 76 |
| PENYELESAIAN MASALAH | 77 |

Nasihat Keselamatan

- Jangan laraskan atau lakukan sebarang tetapan pada unit semasa memandu. Sentiasa lakukan pelarasan dan tetapan yang perlu sebelum memulakan perjalanan anda.
- Sentiasa patuhi peraturan lalu lintas. Sekiranya arahan perisian navigasi bercanggah dengan peraturan lalu lintas, peraturan lalu lintas hendaklah diutamakan.

Mengemas kini peta anda

- Sentiasa kemas kini peta anda bagi mendapatkan yang terbaik daripada perisian navigasi anda.
- Dengan peta yang terkini, anda akan dapat mencari P.O.I dan jalan yang terkini. Peta yang terkini juga akan membolehkan laluan yang lebih baik dihasilkan.
- Anda boleh memuat turun peta yang terkini dari www.lokatoo.com. Peta dikemas kini dengan kerap.
- Semua SD kad Lokatoo adalah dilengkap dengan peta berlesen, SD kad runcit yang lain tidak boleh dimuatkan dengan perisian navigasi Lokatoo GPS.

Cara untuk menghidupkan GPS

Tekan butang GPS untuk menghidupkan mod GPS.



Mendapatkan isyarat satelit GPS

Sentiasa dapatkan isyarat satelit GPS sebelum menggunakan alat navigasi untuk menavigasi. Untuk mendapatkan isyarat satelit dan untuk mengunci kedudukan semasa anda, sila pastikan kereta anda tidak berada di bawah bumbung, pokok, di dalam tempat letak kereta bawah tanah, terowong atau sebarang objek yang mungkin menghalang alat navigasi daripada mendapatkan isyarat satelit.

Sebaik sahaja perisian navigasi dilancarkan, sistem akan mencari isyarat satelit secara automatik. Untuk mengunci ke kedudukan semasa anda, alat navigasi mesti mengunci pada sekurang-kurangnya 3 satelit. Untuk mendapatkan maklumat altitud anda, satelit keempat diperlukan.

* Buka halaman 65 untuk mengetahui cara mendapatkan Maklumat GPS.



Tiada isyarat satelit diperoleh.



Isyarat satelit diperoleh.

| | |
|--|-----------------------------|
| | Kembali ke laman sebelumnya |
| | Tangkapan Skrin |
| | Bantuan |
| | Lihat Peta |

Bintik merah

Isyarat GPS kepersisan rendah diperoleh.

Bintik biru

Isyarat GPS kepersisan sederhana diperoleh.

Bintik hijau

Isyarat GPS kepersisan tinggi diperoleh.

HDOP

Kecairan Kebersihan Melintang. Bilangan bar HDOP yang tinggi menunjukkan tahap kepersisan yang tinggi.

Latitud

Nilai latitud bagi koordinat semasa dipaparkan dalam format WGS84.

Longitud

Nilai longitud bagi koordinat semasa dipaparkan dalam format WGS84.

Altitud

Nilai altitud bagi kedudukan semasa.

Kiraan Satelit

Bilangan satelit yang diperoleh.

Rumah & Pejabat

Anda boleh mendapatkan semula lokasi rumah dan pejabat daripada alat navigasi anda. Mengetik mana-mana butang ini akan membolehkan alat navigasi menghasilkan laluan ke rumah atau pejabat anda secara automatik.

Bagi mendapatkan semula lokasi rumah atau pejabat, lokasinya mestilah disimpan terlebih dahulu.

* Buka halaman 55 bagi mengetahui cara menyimpan destinasi sebagai rumah dan pejabat.



1. Sentuh ikon **Carian**.



2. Sentuh **Rumah** atau **Pejabat**.



3. Pilih antara jarak **Terpentas**, **Ekonomi**, **Kurang Belok** dan **Terpendek**.

Kemudian sentuh **Pergi** untuk memulakan navigasi.

* Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kaedah laluan, buka halaman 69.

Carian Langsung

Mencari jalan atau P.O.I (**Tempat Menarik**).



1. Sentuh bar **Carian Langsung**.



2. Sentuh ruang negara bagi memilih negara destinasi.



3. Masukkan nama destinasi yang diinginkan atau sentuh destinasi yang diinginkan daripada senarai cadangan. Kemudian sentuh **OK**.

| | |
|---------------|-------------------------------------------------------------|
| RUJANG | Bar ruang |
| ← | Undur Ruang |
| PADAM | Sentuh untuk mengosongkan bar carian. |
| @\$7 | Sentuh bagi memaparkan papan kekunci angka dan aksara khas. |
| OK | Sentuh bagi mengesahkan kata kunci yang dimasukkan. |

PETUA

Masukkan bahagian unik nama jalan atau P.O.I untuk mendapatkan hasil carian yang cepat dan tepat.

Sebagai contoh:

JALAN PJS 7/19 dimasukkan sebagai **PJS 7/19** (untuk nama jalan, jangan masukkan JALAN, LORONG, PERSIARAN, dll.) dan **JALAN SETIABAKTI 9** dimasukkan sebagai **SETIABAKTI 9**. Jika anda hendak mencari **IKANO POWER CENTRE**, hanya masukkan **IKANO**. Anda boleh mencari **LOT 10 SHOPPING CENTRE** dengan hanya memasukkan **LOT 10**.

APA ITU P.O.I?

P.O.I ialah singkatan untuk **Point Of Interest (Tempat Menarik)**. Contoh P.O.I ialah restoran, pusat membeli-belah, stesen minyak, bank dll.




4. Skrin akan memaparkan hasil yang mengandungi kata kunci yang dimasukkan untuk seluruh negara yang dipilih.

Gunakan butang anak panah ke atas dan ke bawah untuk skrol antara halaman lain.



5. Sentuh destinasi yang diinginkan daripada hasil carian untuk pergi ke halaman pemilihan laluan.

Sebagai pilihan, anda boleh sentuh  yang terletak di sebelah nama destinasi bagi melihat peta destinasi yang dipilih atau bagi menyimpan destinasi sebagai kegemaran.

* Untuk mengetahui mengenai cara menyimpan kegemaran, buka halaman 55.



6. Pilih antara jarak **Terpantas**, **Ekonomi**, **Kurang Belok** dan **Terpendek**.

Kemudian sentuh **Pergi** untuk memulakan navigasi.

* Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kaedah laluan, buka halaman 69.

Alamat

Mencari jalan di dalam bandar, negeri atau negara.



1. Sentuh ikon **Carian**.



2. Sentuh **Alamat**.



3. Sentuh ruang negara bagi memilih negara destinasi.



4. Sentuh **Semua Negeri** bagi memasukkan negeri destinasi.

PETUA

Anda boleh memilih untuk tidak memilih Negeri atau Bandar atau kedua-duanya.

- Jika kedua-dua **Negeri** dan **Bandar** dimasukkan, hasil carian akan memaparkan semua jalan yang berkaitan (yang padan dengan kata kunci yang dimasukkan) dalam bandar yang dipilih.
